

64
15/15832



**PPJ EDAR 3,600 JALUR GEMILANG
KEPADA KOMUNITI PUTRAJAYA**

PUTRAJAYA, 23 JULAI 2020 – YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Majlis turut menyaksikan gimik penyerahan sebanyak 3,600 bendera kepada setiap sub zon iaitu Sub Zon 1 (Presint 5,6,16,17 & 18), Sub Zon 2 (Presint 9G), Sub Zon 3 (Presint 8 & 10), Sub Zon 4 (Presint 11), Sub Zon 5 (Presint 14 & 15) dan Sub Zon 6 (Presint 9 – Fasa 5 hingga 12). Setiap Sub Zon akan menerima sebanyak 600 bendera untuk dipasang di jalan-jalan utama sekitar Putrajaya.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Azizi Bin Ahmad Termizi, Naib Presiden, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj dan YBhg. Datuk Shokri Bin Shafee, Pengerusi MPPWP Zon Putrajaya.

Penyerahan bendera ini diharapkan dapat menyemarakkan lagi sambutan kemerdekaan dan menyemai rasa cinta serta membentuk semangat patriotik dalam kalangan warga Putrajaya.

Keterangan lanjut berhubung Majlis Penyerahan Bendera Kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Ahmad Fazila Bin Othman ditalian 03-8887 7325 / 012-576 1490 dan Encik Mohamad Fitri Bin Norsalim ditalian 03-88877258 / 011-10688347.

Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 23 Julai 2020